

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

**SOALAN :**

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah penjawat awam yang telah dikenakan tindakan akibat penyalahgunaan kuasa dan salah laku; dan
- (b) langkah proaktif Kementerian bagi membendung isu penyalahgunaan kuasa dalam kalangan kakitangan awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanggaran yang diklasifikasikan sebagai salah laku adalah kesalahan yang dikaitkan dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993 [P.U.(A)395/1993]. Sementara itu, penyalahgunaan kuasa antara lain merujuk kepada pelanggaran di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Dari tahun 2009 hingga 2013, seramai 20,434 penjawat awam telah dikenakan tindakan tatatertib. Ia meliputi penjawat awam di Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tindakan tatatertib yang dikenakan terhadap mereka adalah seperti berikut:

- (a) 4,743 orang dibuang kerja;
- (b) 125 orang diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan;
- (c) 963 orang diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan;
- (d) 2,048 orang ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;
- (e) 3,491 orang dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan;

- (f) 3,373 orang dikenakan denda maksimum 7 hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan; dan
- (g) 10,531 orang diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan

Jumlah tersebut mengambil kira seseorang penjawat awam dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib terhadap kesalahan yang dilakukan.

Sementara itu Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dari tahun 2009 hingga 2014 menunjukkan seramai 1,678 penjawat awam telah disiasat akibat dari penyalahgunaan kuasa. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan kes disiasat</b>
2009	235
2010	348
2011	311
2012	310
2013	278
2014	188

Bagi membendung salah laku dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam, maka beberapa langkah diperkenalkan oleh Kerajaan. Antaranya ialah:

- (a) menandatangani Surat Aku Janji dengan tujuan untuk menimbulkan kesedaran betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggungjawab, penuh dedikasi dan profesional;

- (b) menyatakan dengan jelas di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A).395/1993] bahawa pegawai Kerajaan dituntut untuk sentiasa melaksanakan dasar dan arahan Kerajaan tanpa menyalahgunakan kuasa demi kepentingan peribadi;
- (c) mereka yang melanggar peraturan dan tatatertib bakal dikenakan tindakan tatatertib dengan dikenakan hukuman yang setimpal.

Sekian. Terima kasih.